

**MAHB Labur RM7 Juta Naik Taraf Komunikasi di Lima Lapangan Terbang
Bernama
Jun 26, 2014**

SEPANG, 26 Jun (Bernama) -- Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) melabur RM7 juta untuk menaik taraf komunikasi di lima lapangan terbang antarabangnya dengan menggunakan sistem 'Terrestrial Trunk Radio (Tetra)'.

Tetra dicipta khusus bagi keselamatan awam dan kegunaan komersial.

Pengurus Besar (Perancangan dan Pembangunan) MAHB, Nor Azlina Mohd Isa, berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), klia2 serta Lapangan Terbang Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching telah dinaikkan taraf dengan sistem Tetra ini dalam fasa pertama pelaksanaannya.

"Sistem ini telah dipasang dan digunakan di lima lapangan terbang ini terlebih dahulu. Ia akan dilaksanakan di lapangan-lapangan terbang lain apabila tiba masanya," katanya.

Nor Azlina berkata demikian dalam satu taklimat media selepas upacara menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara MAHB dan rakan kongsi tempatan Sepura, Comintel Corp Bhd, di sini hari ini.

Pengarah Serantau Sepura, Terence Ledger, berkata sebagai sebuah syarikat teknologi radio digital yang berpangkalan di UK, ia menganggap Malaysia sebagai pasaran utama yang berpotensi.

"Kami telah beroperasi di Malaysia sejak enam tahun lalu. Kami nampak komitmen kerajaan untuk menambah baik komunikasi digital daripada analog amat sejajar dengan strategi syarikat kami," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049592>